Ja'far al-Bār bilang UMNO tidak belakangkan agama dan tuduhan-tuduhan itu pesona belaka. Pesona tidak pesona perkaranya ialah pada tentang bukti. Orang melihat keadaan dan keadaan itu yang menjadi bukti. Orang lihat UMNO jalankan loteri dan . . . dan . . . tentu orang pandang langgar agama. Kita fikir pegawai penerangan UMNO itu lebih baik jangan banyak cakap – tunjukkan kerja lebih baik. Tunjukkan apa UMNO telah buat khidmat untuk agama dan apa UMNO telah lakukan yang tidak langgar agama – begitu bukan lebih baik?

***

Taukeh Ow Bon Ho sudah kasi derma $10,000 kepada Kolej Islam Malaya – kita patut ucapkan terima kasih! Ia orang lain, agama lain begitu besar hatinya kepada usaha orang Islam. Tetapi hartawan-hartawan Islam di sini senyap terutamanya orang "Hadhraminya" yang dahulunya terkenal *ahli al-khayr* dan suka mengadakan derma kerana pelajaran-pelajaran agama sekarang keturunan mereka sudah bakhil. Mengapa? Jawabnya kerana rasa tanggungjawab kepada agama sudah kurang. Tidakkah mereka malu melihat seorang hartawan Cina berani berderma kepada Kolej Islam pada hal mereka (orang-orang Islam) senyap? Jawablah sendiri soalannya nanti sama ada di dunia atau di akhirat.

KOPI PAHIT

***

Di dalam lawatan *football* Melayu ke Indonesia baharu-baharu ini perkara yang menarik perhatian bukannya tentang kalah menangnya tetapi yang utamanya ialah kedatangannya di sana bersama-sama menggunakan baju "teluk belanga" iaitu baju yang telah dijadikan pakaian rasmi bagi duta-duta Indonesia di luar negeri. Yang lebih menarik lagi kepada orang-orang Islam ialah tentang berita bahawa pada hari Jumaat tatkala di Jakarta mereka sembahyang Jumaat beramai-ramai di masjid Cikini. Hal ini tentulah lebih menambah perhatian orang daripada lawatannya bermain *football*. Cara ini patut dipuji dan dihargakan serta diharap jadi contoh kemudian hari! Apa kata wartawan-wartawan muda setuju apa tidak?!

***

Ada orang banyak cakap tentang kebebasan akhbar dan wakil-wakilnya. Kalau ada bertentangan dengannya atau pun pendapatnya dengan mudah ia berkata "kebebasan akhbar" tidak diberi. Bercakap begitu mudah – bukan? tetapi kejadian yang baharu berlaku yang dikatakan "melanggar kebebasan akhbar" itu – nampaknya bukan pada tempatnya. Wartawan itu mesti tahu kepada kehormatan diri – mesti tahu peraturannya – baharulah ia menuntut kalau ada halangan – sebagai mengaju hak-hak wartawan. Tetapi kalau wartawan itu sendiri tidak tahu menghargakan dirinya – pakai maki hamun sahaja – tentulah balasan yang diterimanya "cara itu" patut – apa kata betul apa tidak?

***

Ada satu perumpamaan yang molek untuk diperhatikan supaya kita tahu "berbudi". Zaid dijemput ke rumah seorang kenalannya. Jemputannya dengan segala hormat. Zaid dijemput dengan motokar ke rumah kenalan itu. Sesampainya di rumah itu ia diletakkan di tempat yang dipandang sebagai satu kehormatan yang besar oleh tuan rumah – diberi layanan yang memuaskan dengan Zaid tidak keluar wangnya walau satu sen pun. Kemudian setelah Zaid keluar daripada tempat itu ia bercerita kepada orang – bukannya berterima kasih tetapi mengatakan jamban dan dapur rumah orang itu busuk – begini dan begini. Perbuatan orang yang seperti ini adakah perbuatan orang yang tahu berterima kasih atau perbuatan orang . . .?

***

HAMKA pernah berkata: "Kalau seseorang pergi ke negeri orang lain maka apabila ia menggambarkan kejadian-kejadian di negeri itu yakni menulis perkara-perkara lawatannya, dapat dilihat daripada keadaan darjah penulis itu. Kalau ia banyak bercampur dengan orang-orang yang rendah maka tulisannya akan rendah menulis hal-hal yang buruk bagi negeri itu dan jika ia bercampur dengan orang yang terkemuka maka tulisannya akan menunjukkan hal-hal yang patut diketahui orang. Apa kata HAMKA ini benar kerana buruk di negeri orang itu barangkali lebih baik daripada keburukan di negeri sendiri. Sememangnya menjajah mudah! Bercermin dahulu bukan baik? Apa fikiran pengarang-pengarang kita?

***

Rasulullah menunjukkan apabila kamu berbuat baik (menderma umpamanya) hendaklah sembunyi-sembunyikan (diam-diamkan) tetapi apabila kamu menerima kebaikan orang (pertolongan orang) maka hendaklah kamu hebah-hebahkan. Keadaan sekarang terbalik sedikit membuat baik terus panggil tukang gambar dan panggil wartawan supaya orang tahu dia sudah buat baik – perkara yang semacam ini sudah jadi riak – bukan jadi manfaat. Balasannya masing-masing terima – Cemeti al-Farouk.